

Rakyat perlu bijak, elak terpedaya dakyah palsu

Cyberjaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan rakyat supaya tidak mudah terpengaruh dengan cubaan segelintir pihak yang sengaja mencetuskan api perkauman serta memainkan isu sensitif bagi memecahbelahkan perpaduan negara.

Perdana Menteri berkata, Malaysia adalah negara hukum yang mempunyai sistem undang-undang tersusun serta tegas dan sebarang pelanggaran peraturan akan dikenakan tindakan tanpa mengira kedudukan atau latar belakang.

“Ini negara hukum. Negara hukum ini ada peraturan. Jadi, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ini diwujudkan kerana bagi saya, politik harus stabil.

“Negara ini mesti diajar dan belajar dari negara lain. Mana ada negara di dunia, bila bangkit soal benci kaum, benci agama (akan) selamat,” katanya pada program Temu Anwar di Universiti Multimedia (MMU), di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan seorang mahasiswa berkaitan usaha kerajaan memperkukuh agenda penyatuan nasional serta membanteras fahaman perkauman daripada terus berakar umbi.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, kestabilan politik dan perpaduan nasional menjadi agenda utama kerajaan.

Dalam pada itu, Perdana Menteri memuji tahap kesedaran generasi muda yang mementingkan usaha mempertahankan perpaduan negara.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan sedia mempertimbangkan cadangan memberi bantuan tambahan RM100 secara ‘one-off’ kepada mahasiswa bagi membantu golongan itu yang berdepan cabaran kos sara hidup.